

29/09/2003

Kerajaan berjasa jadi pilihan rakyat

Abd Bashid Harun

PERTUKARAN pemimpin dan kerajaan belum tentu menjanjikan keadaan yang lebih baik daripada sebelumnya, tetapi dasar dan formula yang digunakan untuk membangun dan menyelesaikan sesuatu masalah adalah penentu kejayaan sesebuah negara itu.

Rakyat Malaysia nampaknya tidak begitu berminat untuk menukarkan kerajaan seperti mereka menukar pakaian. Apa yang berlaku di Jepun, Thailand dan beberapa negara lain, nampaknya tidak cuba dibawa masuk ke negara ini.

Rakyat Malaysia masih belum bersedia untuk mengambil risiko daripada pertukaran kerajaan, setelah mereka melihat kerajaan yang sedia ada terbukti mampu mentadbir negara dengan baik. Rekod menunjukkan kerajaan Barisan Nasional (BN) dapat melaksanakan pembangunan dengan jayanya, di samping mengekalkan keamanan dan kemerdekaan negara.

Rekod juga membuktikan BN di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjaya melepasi setiap ujian getir yang melanda negara. Ini hanya boleh dicapai jika kerajaan itu kuat dan kepemimpinan negara berada di tangan orang yang berpengetahuan dan bijaksana.

Keputusan yang diambil oleh rakyat Malaysia setiap kali pilihan raya melegakan ramai pihak, termasuk pelabur tetapi tidak pembangkang. Di Malaysia, pembangkang hanya boleh berharap mereka dipilih, tetapi mereka tidak boleh memaksa rakyat memilih mereka. Pembangkang boleh berdoa dan bersolat hajat supaya mereka dipilih, tetapi doa mereka tidak boleh mengambil alih kerja Tuhan.

Di Malaysia juga pembangkang tidak begitu digeruni oleh kerajaan yang memerintah, walaupun suara mereka lebih lantang daripada suara kerajaan. Kerajaan menguasai negara, sedangkan pembangkang hanya menguasai pentas.

Rakyat yang tidak begitu gemarkan konsert hiburan akan beralih ke pentas pembangkang. Rakyat seronok menonton persembahan pembangkang, tetapi untuk memerintah negara mereka selalunya memberikannya kepada orang yang lebih serius untuk memerintah. Di sinilah kebijaksanaan rakyat Malaysia.

Ramai tokoh pembangkang di Malaysia diminati kerana kepandaian dan kepetahan mereka berhujah. Tetapi di negara ini, kekuatan air liur tidak menjanjikan apa-apa selain sedap didengar oleh segelintir manusia. Realitinya, air liur tidak akan menjadikan orang yang lapar kekenyangan dan orang yang mati hidup semula.

Di sinilah kelemahan ketara pembangkang di negara ini. Mereka terlalu bergantung kepada kekuatan air liur atau lebih tepat lagi kekuatan hujah. Sebab itu, tidak hairan jika orang yang paling pandai berhujah di kalangan mereka berada di barisan paling depan. Mereka berlagak seolah-olah ingin menyelesaikan masalah dunia ini dengan hujah-hujah mereka, tetapi mereka terlupa orang miskin lebih memerlukan beras dan rumah.

Ketika kerajaan yang ada meninggalkan pembangunan dan buku, pembangkang pula ingin meninggalkan kepada generasi akan datang ceramah mereka untuk dikunyah. Lalu dengan ceramah yang berapi-api itu mereka berharap rakyat akan menyokong mereka.

Pembangkang terutamanya Pas, terlalu percayakan angka atau lebih tepat lagi keramaian orang yang mengikuti ceramah mereka. "Lihat ceramah kami beribu-ribu yang hadir berbanding dengan ceramah Umno. Lihat kami sekali ceramah boleh himpulkan beribu-ribu ringgit." Alasan inilah yang selalu digunakan oleh mereka untuk menunjukkan kekuatan berbanding Umno. Lalu mereka memasang angan-angan untuk dipilih oleh rakyat memerintah negara ini.

Sebenarnya, dari dulu lagi ceramah Pas tidak pernah kekurangan orang berbanding ceramah Umno. Sebabnya mudah, orang Umno telah pun membuat keputusan sedangkan masih ramai ahli Pas, terutamanya di peringkat bawah

yang teraba-teraba. Umno juga tidak bergantung pada kekuatan hujah kerana bukti kejayaan yang dilakukan oleh parti ini ada di mana-mana dan boleh dilihat oleh sesiapa juga. Kejayaan kerajaan boleh dilihat di mana-mana.

Pas terlampau bergantung kepada isu, sedangkan Umno memegang isi-isinya. Isu sedap didengar, tetapi isi boleh dilihat di sekeliling mereka atau melalui media milik kerajaan. Tanpa isu pembangkang hampir dilupakan. Sesuatu isu akan segar dalam tempoh seminggu kemudian akan dilupakan selepas sebulan. Sebab itu mereka mesti menciptakan isu baru sebelum isu lama dilupakan.

Apa yang menarik isi bagi parti pemerintah adalah isu bagi parti pembangkang. Isu boleh datang dan boleh pergi. Orang yang selalu bermain dengan isu adalah orang yang ketiadaan isi. Inilah permainan orang yang berjiwa kerdil tetapi `bermulut' besar.

Pembangkang di Malaysia mudah ditewaskan kerana mereka terlampau bergantung kepada populariti, bukan kepada strategi dan pendekatan yang digunakan. Kemasukan ahli profesional dan korporat dalam Pas tidak banyak memberikan kejayaan kepada parti itu kerana yang mendominasi parti tetap kumpulan yang sama - mereka yang bergelar ulama parti. Hakikatnya, strategi parti tidak menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

Mereka selalu mengangkat pendapat peribadi sebagai pendapat parti. Kita dikelirukan adakah kenyataan yang dikeluarkan adalah pendapat pemimpin mereka atau pendapat parti. Pemimpinnya gagal menghalang orang di bawahnya daripada bercakap atau membuat kenyataan. Hampir semua pemimpin Pas dibenarkan bercakap dan membuat kenyataan.

Ahli bawahan Pas kadang-kadang berlagak lebih hebat daripada pemimpin mereka. Mereka jarang-jarang merujuk kepada pemimpin apabila membuat kenyataan. Mereka jarang-jarang berkata ini kena tanya tuan guru atau presiden parti atau berkata: "Saya enggan mengulas" jika sesuatu itu kurang diyakini dan "Menurut tuan guru atau menurut presiden parti..."

Setiap hari ada saja agenda bercakap diadakan dan agenda bercakap inilah yang menjadi tumpuan sepanjang tahun. Mereka ada takwim khas untuk mempromosikan agenda bercakap ini. Ini tidak menghairankan kerana inilah satu-satunya keupayaan yang ada pada Pas.

Hampir setiap orang yang masuk parti ini akhirnya akan pandai bercakap dan mereka yang lebih pandai bercakap daripada yang lainnya akan diarak ke sana ke mari untuk bercakap. Melalui percakapan mereka, mereka berjaya mengumpulkan wang sehingga beribu-ribu ringgit.

Oleh sebab mereka terlampau banyak bercakap, akibatnya mereka gagal membezakan antara yang perlu diucapkan dan apa yang perlu disimpan, antara yang patut diwarwarkan dengan apa yang patut menjadi rahsia parti saja dan antara pendapat peribadi dengan dasar parti.

Semua yang dibuat oleh kerajaan pasti diulas, sedangkan berdiam diri pada sesetengah perkara adalah lebih baik dan lebih berstrategik. Dalam percakapan mereka ada satu yang dominan iaitu menyalahkan kerajaan.

Tanggungjawab orang Islam untuk menutup aib orang Islam yang lain tidak berlaku di tangan Pas. Sebaliknya mereka akan dedahkan sebanyak mungkin keaiban orang lain sesuka hati mereka dan ajaibnya mereka melakukannya dengan penuh keseronokan.

Mereka mengherdik lawan-lawan mereka yang kononnya melemahkan mereka, tetapi pada masa sama mereka melakukan apa yang mereka benci itu, malah lebih ajaib lagi mereka dapat melakukan peranan ini dengan lebih hebat lagi daripada orang yang mereka dakwa tidak Islamik itu. Mereka berlagak seolah-olah syurga itu diciptakan untuk mereka dan hanya neraka layak untuk kita.

Mereka gembira jika ada tokoh daripada lawan dapat dimalukan atau dipersendakan dan penyokong setia mereka pun menanti-nantikan siapakah ahli politik Umno yang akan menjadi habuan mereka kali ini. Jika ada tokoh yang mereka benci dipecat, dibuang, ditangkap, dituduh melakukan itu dan ini atau didapati bersalah, mereka bersama-sama dengan pemimpin melompat kegembiraan. "Nah lihat betulkan apa yang aku katakan dulu. Padan muka. Inilah balasan Tuhan."

Seperti juga pelakon atau penyanyi mereka juga mempunyai ramai peminat. Peminat ini sanggup membuang masa dan wang ringgit dengan datang daripada jauh. Katakanlah ceramah itu diadakan di Perak, pengikut mereka dari negeri lain akan turut datang. Itulah sebabnya ceramah Pas sentiasa dipenuhi ramai, berbanding ceramah Umno.

Bagaimanapun, jumlah penduduk setempat yang mengikuti ceramah ini kadang-kadang tidaklah begitu ramai berbanding orang luar. Ini kerana orang tempatan sudah tahu tembelang penganjur atau tuan rumah, tetapi Pas hampir-hampir tidak mempedulikan sokongan penduduk setempat. Yang penting ceramah itu mesti ramai orang tidak kira dari mana mereka datang. Apabila ramai yang datang, jumlah pungutan derma pasti lumayan. Ini satu bentuk perniagaan yang menguntungkan.

Kedudukan seperti itulah yang menyebabkan penyokong Pas selalu bermegah dengan kekuatan parti mereka. Konon-kononnya sokongan terhadap parti mereka begitu kuat, tetapi apabila tiba pilihan raya, Pas kalah juga.

Peminat mereka ini seperti juga kebanyakan orang lain yang bukan sangat hendak mendengar hujah agama pemimpin kegemaran mereka, tetapi yang mereka ingin dengar ialah siapakah yang akan menjadi mangsa kali ini atau apakah isunya hari ini.

Kedudukan begitulah yang menyebabkan peminat mereka sudah pandai menilai yang mana penceramah sedap atau yang kurang menyengat. Sedap dan menyengat di sini bermaksud sejauh manakah mereka dapat berhujah dengan baik sambil menghentam orang tertentu. Kelebihan dalam ilmu mantiq, balaghah, tafsir al-Quran, mustalah al-Hadith dan usul-fiqh jika ada akan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk menghentam orang tertentu. Anehnya mereka berbahagia berbuat begitu.

Sebut apa saja isu, akhirnya kerajaan akan dipersalahkan. Apabila Pas Kelantan gagal membasmi kemiskinan mereka menyatakan ini salah pemerintah lalu. Sampai apabila hukum hudud gagal dilaksanakan pun, mereka salahkan kerajaan lalu juga.

Pembangkang di Malaysia, terutamanya Pas mempunyai formula tersendiri iaitu jangan biarkan tuduhan kerajaan tidak berjawab. Semua yang ditujukan kepada mereka harus dijawab tanpa mempedulikan sama ada jawapan itu betul atau salah. Jika tidak ada jawapan yang tepat cukuplah mengatakan sesuatu yang berlaku itu sebagai sandiwara.

Pembangkang di negara ini seperti juga pendukung demokrasi liberal Barat, selalu mempertikaikan amalan demokrasi di negara ini. Demokrasi Malaysia konon-kononnya kurang demokratik, tetapi di sinilah kita menyaksikan dua negeri diperintah oleh pembangkang tanpa ada gangguan. Malah, ada parti pembangkang yang pergi jauh dengan memaki hamun kerajaan melalui akhbar dan ceramah mereka.

Keadaan pembangkang sangat berbeza dengan kerajaan. Pendekatan kepemimpinan melalui teladan, buat dan kurangkan bercakap, tidak melatah dan terus bersikap "dewasa" dalam apa juga situasi yang dihadapi telah banyak membantu parti kerajaan berhadapan dengan parti pembangkang. Malah, kewujudan parti pembangkang yang agak banyak di negara ini tidak pernah menjadi penghalang kepada kerajaan.

Sebagai contoh ketika parti pembangkang sibuk berpolitik dan menyerang kerajaan dari segenap arah, kerajaan yang ada terus dengan formulanya memajukan negara. Hampir setiap hari ada saja idea baru, bangunan baru, projek baru dan gagasan baru yang muncul hasil daripada pemikiran yang dinamis dan kreatif pemimpin negara.

Inilah yang dapat dilihat oleh setiap rakyat, baik yang tinggal di kota mahu pun di luar bandar yang membezakan parti pembangkang dengan parti kerajaan.

Ketika parti pembangkang ingin melaksanakan itu dan ini, parti kerajaan sudah pun melaksanakannya. Ketika Pas sibuk membacakan ayat suci al-Quran dan Hadis nabi, parti kerajaan sibuk melaksanakan kandungannya - membasmi kemiskinan, memajukan negara, menggalakkan perniagaan, menggerakkan IT dan sebagainya.

Ketika Pas sibuk bercakap, parti kerajaan sibuk bekerja - membina jalan

raya, lebuhraya, jambatan, rumah, telefon dan lain-lain kemudahan. Inilah cara kerajaan berhadapan dengan pembangkang di negara ini iaitu buat dan tunjukkan bukti, matang, profesional dan tenang.

Apabila Pas menggunakan ayat al-Quran dan hadis, mereka merasakan seolah-olah berada di pihak yang betul, tetapi apabila mereka menggunakan hujah-hujah akal di sinilah kelemahan Pas mula kelihatan. Pemimpin Umno jarang menggunakan ayat al-Quran, tetapi mereka dilihat sebagai pengamal Islam yang praktikal. Di sinilah ramai orang yang meragui kemampuan Pas untuk mentadbir negara ini kerana kekuatan akal itulah yang lebih diperlukan untuk mentadbir negara dan segala sistemnya daripada kefasihan membaca ayat al-Quran.

Pas memilih pendekatan konfrontasi dengan kerajaan. Mereka memaki hamun kerajaan. Tetapi anehnya mereka berharap dengan cara itu kerajaan akan tunduk kepada kemahuan mereka. Ini adalah satu cerita bodoh pembangkang di Malaysia.